

JKM perkukuh sembilan program berimpak tinggi

Usaha bantu warga emas, OKU, kanak-kanak

NORLIZA ABD. RAHMAN

pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 7 DIS.

JABATAN Kebajikan Masyarakat (JKM) berhasrat memperkukuhkan lagi sembilan program berimpak tinggi dan menyentuh denyut nadi rakyat dengan menyasarkan golongan kanak-kanak, orang kurang upaya (OKU) dan warga emas dalam Pelan Transformasi JKM.

Timbalan Ketua Pengarah Strategik JKM, Mohd. Fazari Salleh berkata, sembilan program tersebut diwujudkan bertujuan mendukung hasrat kerajaan menerusi agenda Transformasi Nasional 2050 (TN50).

“Selari dengan usia JKM yang kini mencecah 72 tahun, adalah wajar kami menyemak semula peranan dan fungsi kumpulan sasar jabatan ini untuk meningkatkan tahap inklusif dalam menyejahterakan rakyat seperti yang disarankan dalam Teras Strategik 1 Rancangan Malaysia Ke-11.

“JKM menjadikan kerangka Transformasi Perkhidmatan Awam sebagai penanda aras kepada penambahbaikan tersebut,” katanya dalam temu bual khas mengenai Hala Tuju JKM 2018, di sini hari ini.

Antara sembilan program yang sedang dan akan diperkukuhkan ialah Program Pemeliharaan Berasaskan Keluarga (PBK) yang merupakan program penempatan kanak-kanak bersama keluarga ganti atau orang yang layak dan sesuai dalam suasana keluarga.

“Untuk tahun 2017, seramai 450 kanak-kanak dari institusi JKM disasarkan dan berjaya ditempatkan bersama keluarga ganti,” katanya.

Selain itu, JKM akan memperuntukkan sebanyak RM3 juta bagi mewujudkan lebih banyak produk baharu di bawah ProWell iaitu jenama bagi produk yang dihasilkan OKU iaitu pelatih Pu-



MOHD. FAZARI SALLEH menunjukkan buku *Pelan Strategik 2016-2020* bagi membantu golongan sasar di Putrajaya, semalam. - UTUSAN/ZAKI AMIRUDDIN

sat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), penghuni institusi kebajikan dan penerima bantuan skim geran pelancaran di bawah JKM.

“Kami juga akan mengadakan Program *Volunteer to Institution* (V2I) iaitu program sukarelawan untuk membantu meningkatkan kesejahteraan kumpulan sasar. Bagi tujuan ini, seramai 1,500 pelajar disasarkan untuk memberi perkhidmatan di semua institusi JKM,” katanya.

Mohd. Fazari berkata, Program Job Coach pula dilaksanakan oleh Jabatan Pembangunan OKU untuk membantu golongan tersebut mendapat pekerjaan dan kekal dalam industri, seramai 200 OKU disasarkan kekal dalam pasaran pekerjaan.

“Bagi warga emas, JKM mengadakan kerjasama dengan Kementerian Kesihatan, Kementerian Belia dan Sukan serta Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia bagi membentuk kokurikulum serta Pelan Pengajaran Kejuruteraan Senaman Warga emas.

Seramai 2,000 warga emas akan mendapat manfaat melalui program ini,” katanya.

Selain itu, JKM akan menambah baik Pusat Latihan Pemulihan dan Perindustrian di Bangi untuk dijadikan sebagai pusat kecemerlangan dan penyelidikan OKU, memperkasa mekanisme Cari dan Bantu di seluruh negara bertujuan untuk membantu proses pendaftaran OKU, Taska, Pusat Jagaan serta bantuan kewangan.

“Kami juga akan meneruskan Program Suai Kasih yang merupakan program pengintegrasian bekas penghuni ke dalam masyarakat melalui pepadaman kerja dan sosialiasasi. Dua sesi kolaborasi sudah dilaksanakan bersama Malaysia Automotive Institute (MAI) dan McDonald’s (M) Sdn. Bhd.,” katanya.

Program yang terakhir ialah pemeraksanaan program komuniti melalui Pusat Aktiviti Kanak-Kanak, Pusat Aktiviti Warga Emas dan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti.